

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS MELETAKKAN BATU ASAS KAMPUS UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA GOMBAK

TEMPAT: TAPAK UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA, GOMBAK

TARIKH: 24 AUG 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kerana menjemput saya untuk melakukan upacara rasmi meletakkan batu asas kampus barunya di Gombak pada hari ini.

2. Majlis ini sungguh bermakna sekali kerana UIA merupakan salah satu sumber kebanggaan rakyat di negara ini. Dengan adanya kampus baru ini, saya yakin imej UIA di kalangan masyarakat Islam antarabangsa akan dipertingkatkan lagi. Setelah 10 tahun ditubuhkan dan ditempatkan sementara di Petaling Jaya, sudah sampai masanya UIA mempunyai kampusnya sendiri selaras dengan tarafnya sebagai universiti Islam antarabangsa.

3. Dalam beberapa aspek, UIA mempunyai keunikan. UIA tidak merupakan badan berkanun atau 'public authority' sepertimana universiti-universiti tempatan yang lain dan oleh itu ianya lebih bebas daripada segi pentadbiran dan pengurusan. UIA adalah satu institusi perintis 'seeking to promote the Islamic concept of unified education, providing alternative to the modern secular education that separates the physical realities from the spiritual'. Saya berasa amat sukacita bahawa UIA telah berkembang dengan jayanya dan kini telah mendapat pengiktirafan antarabangsa. Daripada dua buah fakulti dengan seramai 159 orang pelajar sewaktu ianya ditubuhkan 10 tahun lalu, bilangan fakultinya telah meningkat kepada empat dengan bilangan pelajar seramai 7,513 orang. Perkembangan pesat ini telah mendorong Kerajaan untuk membangunkan kampus baru ini di Gombak dan satu lagi di Kuantan.

4. Selain daripada mempunyai otonomi dalam aspek pentadbiran dan pengurusan, UIA mempunyai sumber kekuatan daripada segi pelajar dan tenaga akademik yang berbilang bangsa, kebudayaan, latar belakang, ideologi, pengalaman dan disiplin. Kepelbagaian ini merupakan satu aset dan sumber kekuatan yang harus dimanfaatkan ke tahap yang optima bagi menyumbang kepada keperluan negara dan cabaran-cabaran antarabangsa. Sesebuah universiti itu seharusnya berupaya mengenalpasti peluang-peluang yang baik di samping mengetahui kekuatan dan kelemahannya. Inilah asas penting bagi membina institusi yang boleh dianggap cemerlang. Dalam konteks ini, soal yang harus dibangkitkan ialah sejauh manakah UIA telah dapat menampilkan dirinya sebagai

institusi Islam yang unggul dan dicontohi di rantau ini atau menjadi pilihan bagi pelajar dan tenaga akademik?

5. Kerajaan telah menjelaskan strategi-strategi ekonominya dan membayangkan harapannya berhubung dengan peranan pendidikan tinggi dalam rancangan-rancangan lima tahun, Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan beberapa kenyataan dan perakuan yang terkandung atau dilahirkan dalam Wawasan 2020. Adakah di harapkan UIA akan berjaya mencapai pembangunan yang selaras dengan cita-cita Kerajaan.

6. Saya dimaklumkan bahawa universiti-universiti menjalankan berbagai-bagai program di peringkat pra-siswazah, pasca-siswazah serta diploma dan sijil. Akhir-akhir ini, dan selaras dengan arus perkembangan, universiti juga menjalankan program-program pendidikan berterusan (continuing education). Dalam konteks persekitaran 'global' yang sentiasa berubah, pembangunan sains dan teknologi, dan kemajuan komunikasi dan teknologi maklumat, universiti perlu menawarkan program-program yang 'market driven', peka kepada perubahan persekitaran dan relevan dengan keperluan masyarakat daripada mana penuntut itu datang. Pada asasnya kita dapati di negara ini, badan-badan profesional, industri dan majikan sering melahirkan rasa tidak puas hati terhadap program serta kualiti pelajar yang dikeluarkan oleh universiti-universiti tempatan. Oleh itu universiti-universiti tempatan harus berupaya untuk menyesuaikan diri mereka dengan keperluan pasaran dan membuatkan program-program mereka lebih relevan dan berguna kepada masyarakat.

7. Terdapat beberapa faktor dalaman dan luaran yang menyokong serta menampilkan peluang untuk membangunkan Malaysia sebagai pusat antarabangsa bagi pendidikan tinggi. Tumpuan perkembangan ekonomi dunia kini telah beralih kepada Kawasan Pasifik. Pertumbuhan ekonomi, khususnya di kalangan 'Newly Industrialised Countries' (NIC) telah merangsangkan persaingan yang begitu hebat dan setiap negara sedar bahawa untuk bersaing mereka perlu meningkatkan pelaburan dalam pembangunan sumber manusia.

8. Kini terdapat seramai 75,000 pelajar ASEAN menuntut di luar negara bagi tahun 1988. Lebih kurang 85 peratus daripada pelajar-pelajar ASEAN tertumpu di tujuh buah negara, iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jerman, Kanada, Jepun dan Perancis. Tetapi perubahan dasar berhubung dengan yuran, iaitu pengenalan yuran penuh bagi pelajar asing di negara-negara tertentu dan faktor kadar pertukaran wang asing telah memaksa Kerajaan-Kerajaan dan ibubapa untuk memikirkan negara alternatif yang sesuai. Malaysia juga memainkan peranan yang aktif di forum-forum antarabangsa dan serantau seperti Kerjasama Selatan-Selatan G-15, Pertubuhan Negara-negara Islam dan ASEAN dan Kerajaan telah mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan dan latihan serta kesediaan untuk membuka peluang-peluang dan kemudahan berkaitan di negara ini. Di sini timbullah peluang bagi negara ini mengaturkan strategi-strategi dan tindakan-tindakan untuk menarik

sebahagian daripada pasaran pelajar ini dan menyumbangkan 'reverse flow' pelajar ASEAN.

9. Usaha untuk menarik pelajar-pelajar asing dan selaras dengan arus 'internationalisation of higher education' memerlukan institusi-institusi tempatan memberi tumpuan kepada isu-isu yang lebih luas. Antaranya ialah pengubahsuaian yang perlu dilakukan kepada kandungan program, kaedah pengajaran dan sistem pemindahan kredit, kaunseling dan sokongan sosial dan bahasa pengantaraan di peringkat fakulti, institusi dan di peringkat sistem pendidikan tinggi itu sendiri bagi memudahkan penerimaan pelajar-pelajar asing. Apakah profil dan sistem pembangunan staf, organisasi serta pembiayaan penyelidikan yang sedia ada tidak perlu diubahsuai untuk menghadapi cabaran yang berbangkit daripada 'internationalisation of higher education'?

10. Ada pandangan bahawa universiti menyesuaikan diri atau 'adapt' terlalu perlahan dengan perubahan-perubahan dunia di sekeliling mereka. Adakah dikhuatiri sekiranya universiti-universiti tempatan dan institusi pendidikan yang lain masih mengekalkan acuan atau 'mould' dan pemikiran tahun lima puluhan untuk menangani masalah dan menghadapi cabaran-cabaran semasa dan tahun-tahun menjelang 2020, maka peluang untuk membangunkan negara sebagai pusat pendidikan tinggi antarabangsa akan terlepas begitu sahaja. Justeru itu, negara memerlukan model institusi yang lebih dinamik dan responsif.

11. Sebagai universiti Islam adalah wajar UIA memperjuangkan dan meningkatkan imej Islam yang begitu rendah kedudukannya dalam pandangan dunia amnya dan memperbetulkan andaian dan pengetahuan cetek mengenai agama, masyarakat dan ekonomi Islam. Potensi untuk UIA ditampilkan sebagai pusat pendidikan tinggi antarabangsa adalah begitu luas sekali jika dibandingkan dengan universiti-universiti tempatan yang lain. Ini adalah kerana berberapa ciri keistimewaan dan kekuatan yang ada pada UIA.

12. Di samping itu UIA juga perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukir kecemerlangan dalam bidang-bidang tertentu supaya ia mendapat pengiktirafan yang lebih meluas daripada akademik dan masyarakat antarabangsa. Matlamat UIA hendaklah untuk menjadi institusi pelajaran tinggi yang diiktiraf dan dihormati bukan sahaja oleh dunia Islam tetapi dunia pelajaran tinggi amnya.

13. Dengan harapan ini saya dengan lafaz Bismillahirrahmanir rahim merasmikan upacara meletakkan batu asas kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Gombak.

